

DBKL pertimbang bangunkan sistem terowong utiliti

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan sistem terowong utiliti atau *Common Utility Cut* (CUT) yang digunakan di Putrajaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaleha Mustafa berkata, sistem terowong tersebut boleh menyediakan perlindungan kepada infrastruktur utiliti seperti kabel elektrik, paip air dan telekomunikasi daripada kerosakan semasa pembinaan.

Kata beliau, CUT juga membolehkan akses selamat untuk penyelenggaraan selain boleh diintegrasikan dengan pusat kawalan bandar menggunakan teknologi telemetri bagi pemantauan keselamatan.

“Dengan mengguna pakai teknologi ini, DBKL sudah pasti dapat meningkatkan kecekapan dan keselamatan dalam penyelenggaraan utiliti bawah tanah, secara terancang dan menyeluruh, seiring dengan visi *CHASE City* untuk bandar yang selamat, sihat, dan Lestari,” katanya Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) yang bertanya apakah rancangan kerajaan untuk menaik taraf dan menyelenggara utiliti di bawah tanah di ibu negara.

Mengulas lanjut, Dr. Zaleha berkata, penambahbaikan akan terus dilaksanakan bagi memperkasakan peranan DBKL dari semasa ke semasa.

“Saya telah mencadangkan kepada Datuk Bandar supaya DBKL mencontohi amalan ter-



Saya telah mencadangkan kepada Datuk Bandar supaya DBKL mencontohi amalan terbaik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara maju yang memainkan peranan lebih besar dalam pemetaan utiliti bawah tanah.”

DR. ZALEHA MUSTAFA

baik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara maju yang memainkan peranan lebih besar dalam pemetaan utiliti bawah tanah,” jelasnya.

Sementara itu, beliau menjelaskan, DBKL hanya terlibat secara tidak langsung dalam mengawal selia kerja-kerja melibatkan utiliti bawah tanah terutama dari aspek pengeluaran permit korekan, pemantauan keselamatan dan memastikan kerja-kerja dilakukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Katanya, tanggungjawab bagi kerja naik taraf dan penyelenggaraan utiliti bawah tanah seperti pembentungan, bekalan air, elektrik dan telekomunikasi di Kuala Lumpur terletak pada syarikat-syarikat yang memiliki aset tersebut.